

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada 3,500 bahasa di dunia. Ia berada di kedudukan yang istimewa di antara enam bahasa antarabangsa yang rasmi (bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Russia, bahasa Sepanyol, bahasa Cina dan bahasa Arab). Bagi umat Islam, bahasa Arab berada di kedudukan yang mulia sejak dahulu lagi dan ia menjadi semakin penting dari masa ke semasa kerana dipilih oleh Allah s.w.t menjadi bahasa al-Quran dan al- Hadith. Justeru itu, ia menuntut setiap muslim mempelajarinya untuk membaca dan memahami kedua-dua sumber rujukan utama tersebut.

Bahasa Arab menjadi bahasa utama digunakan di 22 buah negara Arab dan ia merupakan bahasa kedua dikebanyakannya negara-negara Islam (Ali al-Agl : 2005). Sehubungan itu, bahasa Arab semakin luas digunakan di negara-negara Islam yang penduduknya bukan berbangsa Arab. Penggunaan bahasa Arab di universiti, kolej, sekolah dan media perhubungan telah meningkat sejak tahun 1976. Penggunaannya juga sedang berkembang terutama di negara-negara Islam. Pemimpin-pemimpin agama Islam dikehendaki memahami bahasa ini yang merupakan salah satu jalan untuk mengkaji kandungan ayat-ayat suci al-Quran dari sumber asalnya.

Para pelancong dari negara-negara Arab lebih cenderung melawat Malaysia selepas kejadian 11 september 2001 di samping peningkatan bilangan pelajar berbangsa Arab datang belajar di Malaysia. Situasi ini juga membuka ruang kepada rakyat Malaysia memberi perhatian terhadap bahasa Arab bagi tujuan perniagaan, pelancongan dan lain-lain.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menunjukkan keprihatinan dengan memasukkan bahasa Arab sebagai salah satu subjek gabungan dalam pendidikan Islam yang terdiri daripada Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain (j-QAF). Keprihatinan ini telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang diberi perhatian oleh masyarakat terutama ibu bapa pelajar.

Lantaran itu, individu yang terlibat secara langsung atau tidak dengan bahasa Arab sudah semestinya akan berhadapan dengan cabaran semasa yang mana masyarakat sekeliling akan menilai sejauh mana kemampuan individu tersebut mengendalikan pertuturan bahasa Arab dengan baik terutama ketika menjalankan tugas yang berkaitan hal ehwal agama Islam seperti imam, khatib, guru agama, pegawai agama, amil Zakat, mubaligh, pendakwah dan lain-lain tugas yang berkaitan.

Individu yang menjawat mana-mana jawatan tersebut seharusnya menguasai bahasa Arab. Agak malang sekiranya tugas yang dilaksanakan menampakkan kelemahan ketara yang tidak dapat dimaafkan, bahkan boleh mengundang dosa

seperti melakukan kesilapan dalam menyebut ayat suci al-Quran, terjemahan yang salah, dan lain-lain kesilapan sama ada berlaku dengan disengajakan atau tidak disengajakan. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku serta dapat dielakkan. Pengkaji berpendapat sekiranya pengguna bahasa tersebut menguasai selok-belok bahasa Arab, dia akan memiliki panduan tertentu yang meyakinkan ketika menyampaikan ungkapan dalam bahasa tersebut.

### 1.1 DEFINISI TAJUK

Kajian ini bertajuk “Analisis Kesilapan Sintaksis dan Morfologi Dalam Khutbah Jumaat.” Pengkaji akan definisikan beberapa perkataan utama yang membentuk tajuk kajian. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut :

- i. ‘Analisis’ : Menurut Kamus Dewan (2005:51), ia bermaksud ‘penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam’.
- ii. ‘Kesilapan’ : Bermaksud ‘perihal silap, kekeliruan, kekhilafan’. (Kamus Dewan 2005: 1493)
- iii. ‘Sintaksis’ : iaitu ‘Nahu’. Menurut Kamus Dewan ia bermaksud ‘Peraturan tentang susunan kata dalam ayat’ (Kamus Dewan 2005: 1502).

[Click Here to upgrade to](#)[Unlimited Pages and Expanded Features](#)

- iv. ‘Morfologi’ : iaitu *Saraf*, ia bermaksud ‘Kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan’. (Kamus Dewan 2005: 1043) atau ‘Kajian tentang bentuk dan pembentukan kata’.
- v. ‘Khutbah’ : Bermaksud khutbah yang disampaikan pada sembahyang Jumaat, Hari Raya Haji atau Hari Raya Puasa.(Panduan tugas Pegawai-pegawai Masjid, 2002). Khutbah yang berkaitan dengan kajian ialah Khutbah Jumaat.

Perkataan-perkataan berikut turut dijelaskan :-

‘Masjid’ : Iaitu bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. (Kamus Dewan 2005: 1002). Seksyen 60, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 mendefinisikan masjid sebagai satu bangunan atau tempat yang digunakan untuk sembahyang Jumaat, sembahyang waktu dan kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan yang diluluskan atau digalakkan oleh agama Islam. Dalam seksyen-seksyen lain, ertinya mana-mana masjid yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) dan disenaraikan dalam rekod Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). (Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992)

‘Daerah’ : iaitu Lingkungan sesuatu pemerintahan atau bahagian sesebuah negeri yang mempunyai sempadannya untuk kemudahan pentadbiran. (Kamus Dewan 2005 : 300). ‘Perak Tengah’ salah satu daerah di dalam negeri Perak.

Pengkaji turut menjelaskan maksud ‘Pegawai Masjid’ supaya pembaca tidak terkeliru dengan istilah tersebut. Pegawai Masjid bermaksud seseorang yang dilantik sebagai imam, bilal, atau siak bagi sesuatu masjid di bawah seksyen 64 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 yang menyebut tiap-tiap masjid di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah dilantik seorang atau beberapa orang imam, bilal dan siak, mengikut keperluan, sebagai Pegawai Masjid. Manakala istilah “Petugas Agama” pula merujuk kepada pelbagai jawatan yang diberi tugas berkaitan hal ehwal agama termasuk para imam/khatib dan bilal. Oleh kerana jawatan imam/khatib memonopoli jawatan-jawatan lain di kalangan petugas agama, (bahkan hampir semuanya turut berperanan sebagai imam/khatib) maka pengkaji menggunakan kedua-dua istilah tersebut bersilih ganti mengikut keperluan ayat.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan al-Hadith. Ianya merupakan dua pegangan dan rujukan utama umat Islam. Setiap individu muslim terutama individu yang bertanggungjawab mengendalikan urusan agama mesti menguasai atau sekurang-kurangnya mendalami serba sedikit bidang-bidang keilmuan yang terdapat di dalam bahasa tersebut seperti berikut :

- i. Fonetik dan fonologi : Ilmu Suara dan Makhraj Suara (Daerah Artikulasi Bunyi)
- ii. Morfologi dan Sintaksis : Nahu dan *Saraf* termasuk Pembinaan Kata
- iii. Semantik : Makna sesuatu lafaz/perkataan.

Mempelajari dan menguasai ilmu berkaitan bahasa ini perlu untuk dijadikan panduan bagi merujuk bahan-bahan bacaan Arab, bukan sahaja al-Quran dan al-Hadith, malahan kitab-kitab rujukan Arab yang sepatutnya menjadi rujukan utama petugas agama. Lebih dari itu, kaedah ini penting untuk dijadikan panduan dalam menuturkan sesuatu perkataan Arab dengan fasih, lancar dan betul mengikut sistem nahu.

Melihat kepada realiti sekarang, bahasa Arab hanya dikuasai oleh golongan tertentu sahaja khususnya mereka yang mempelajarinya dengan tekun dan

mendalam. Manakala mereka yang tidak mempelajarinya atau cetek pengetahuan terhadap bahasa tersebut akan terus menjauhinya sekalipun mereka mempunyai kepentingan dengan bahasa tersebut di alam pekerjaan seperti mereka yang berjawatan imam, pegawai agama, guru agama, mubaligh, amil zakat, pendakwah dan lain-lain jawatan yang seumpamanya.

Kesedaran mengenai kepentingan menguasai bahasa Arab dalam kalangan penjawat-penjawat tersebut perlu dipupuk serta dipertingkatkan. Berdasarkan kajian awal, pengkaji mendapati sebilangan responden seperti para imam yang juga bertugas sebagai khatib, bilal yang akan mengambil tugas imam jika imam tidak boleh menjalankan tugasnya atau tidak mampu menyempurnakan tugasnya (Buku Panduan Tugas Pegawai Masjid, t.t : 27), malah guru kelas agama dan fardhu ain (KAFA) mengakui bahawa bahasa Arab tiada kaitan dengan bidang tugas mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesedaran mereka terhadap kepentingan bahasa Arab berada di tahap yang mengecewakan. Oleh itu, kesedaran mengenai perkara ini perlu dibangkitkan segera demi melahirkan petugas agama yang berkaliber dan berkeyakinan agar dapat mencapai tahap keberkesanan yang maksima dalam menjalankan tugas-tugas agama. Kesedaran ini juga perlu disusuli dengan tindakan dan daya usaha individu tersebut untuk mempelajari bahasa Arab dengan tekun dan istiqamah.

Dalam pemerhatian awal, pengkaji mendapati terdapat kelemahan-kelemahan kumpulan tersebut dalam mengungkap dan mengendalikan bahasa Arab terutama para khatib di mimbar masjid. Kesilapan membaca ayat al-Quran tidak sepatutnya berlaku terutama ketika melakukan ibadat seperti membaca khutbah kerana ia akan menyebabkan khutbah tersebut tidak sah. Selain membaca ayat al Quran dengan betul dan menyebut perkataan Arab dengan baik dan lancar, mereka juga perlu memahami dan menguasai ilmu berkaitan bahasa Arab agar setiap kesilapan yang dilakukan akan cepat disedari dan segera diperbaiki.

Sepanjang penglibatan pengkaji dengan program anjuran Pejabat Agama Seri Iskandar dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) khususnya yang membabitkan para pegawai masjid seperti kursus dan seminar pengurusan masjid, pendedahan yang biasa disampaikan semuanya berkaitan Ilmu Tajwid dan Fasahah (kecuali Seminar al-Quran yang diadakan di Universiti Teknologi Petronas pada 14 – 15 Jun 2006 ), sedangkan ilmu itu adalah salah satu cabang daripada ilmu bahasa Arab yang terkandung di dalam ilmu *Aṣwa:t* (suara). Oleh itu, kepakaran mereka hanya berlegar dalam bidang tersebut sahaja, namun masih terdapat kelemahan dalam penyampaian. Cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti Nahu, *Saraf* dan *Dila:lat* (Semantik) diabaikan dengan anggapan tiada kaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

[Click Here to upgrade to  
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

Tidak dinafikan bahawa sebahagian daripada petugas agama memiliki pengetahuan dalam bahasa Arab (pengkaji tertarik dengan satu isu nahu bahasa Arab yang dibangkitkan oleh peserta Kursus Imam yang diadakan di Dewan Masjid Pekan Bota Kanan pada 28 September 2006 - Contoh akan dimajukan). Namun kurang penghayatan terhadap bahasa tersebut menyebabkan pengetahuan yang sedia dimiliki diabai dan tidak dimanfaatkan dalam menjalankan tugas.

Pengkaji berpendapat para petugas agama juga tidak seharusnya menerima sepenuhnya setiap kandungan buku-buku rujukan terutama buku-buku agama yang banyak diterbitkan di pasaran sekarang ini. Ini ialah kerana buku-buku tersebut sudah pastinya mengandungi ungkapan-ungkapan di dalam bahasa Arab sama ada berbentuk ayat al-Quran, al-Hadith, kata-kata sahabat, sajak, kata ulama, hukama dan lain-lain lagi yang kadang-kadang terdedah kepada kesilapan sama ada kesilapan percetakan atau disengajakan seperti penulisnya tidak meneliti dengan baik terhadap penulisan bahasa tersebut atau kemungkinan juga penulis mengambil dari sumber yang sememangnya sudah silap. Pembaca yang mengambil kesilapan itu tanpa meneliti kesahihannya bahkan tanpa disedari kerana tiada panduan khusus mengenai selok belok bahasa Arab, sudah pasti akan membawa kesilapan tersebut dalam sesi kuliah, ceramah, khutbah, tazkirah dan sebagainya. Situasi ini akan memperlihatkan kelemahan petugas agama yang sepatutnya boleh dielak dengan menguasai bahasa Arab.

Bahasa Arab mempunyai pelbagai bentuk gaya bahasa atau disebut sebagai *uslu:b*.

Individu yang dapat menilai kelainan gaya bahasa ini mampu menganalisa keunikan dan kecantikan gaya bahasa tersebut di samping berkemampuan menilai kelemahan dan kesilapan yang ditonjolkan dari pelbagai aspek utama bahasa terutama aspek nahu dan *saraf*.

Untuk mendapatkan bukti bagi dakwaan tersebut, pengkaji telah membuat pemerhatian umum yang berkaitan dengan permasalahan kajian dan ia berlaku ke atas pelbagai sumber tanpa batasan. Berikut contoh-contoh kesilapan bahasa Arab yang melibatkan aspek nahu dan *saraf*:-

- a. Bacaan Doa Kepada Dua Ibu Bapa.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِينَا وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّانَا صَغِيرًا.

كَمَا رَبَّنَا... وَارْحَمْهُمَا وَلِوَالِدِينَا

Kes : Kekeliruan dan kesilapan dalam menentukan kata nama *muthanna: dan jama'* serta menyesuaikannya dengan ganti nama.

Contoh ini dipetik dari isu yang dibangkitkan oleh peserta Kursus Imam yang dihadiri oleh pengkaji pada 28 September 2006 di Dewan Masjid Jamek Bota Kanan, Perak.

b. Bacaan Doa Majlis.

يَا عَالِمُ الْعَيْبِ ( بالرفع)

Kes : Kesilapan meletakkan tanda kasus pada *muna:da:* yang di*iда:fat*.

c. Ceramah Agama di Radio Perak FM.

الْمَرْأَةُ صَالِحةٌ ( بالتنوين)

Kes : *Isim Ma‘rifat* dengan الـ dibaca bersama *tanwi:n*

d. Buku Rujukan di Rak Masjid.

1- لَكُلْ دَاءٍ دَوَاءٌ فَانِ اللَّهُ لَمْ يَنْزِلْ... (بالنصب)

2- أَسْأَلُ اللَّهَ أَنْ يَشْفِيكَ ( بالجزم)

Kes : Tidak meletakkan tanda kasus yang betul seolah mengabaikan fungsi ‘amil jazm dan ‘amil naṣb.

e. Doa Majlis.

عَلَى وَجْهِكَ الْكَرِيمَ ( قرئ الْكَرِيمَ بالنصب)

Kes : Tidak menjadikan *na’t* sama hukum dengan *man‘u:t*.

Contoh ini diperolehi dari satu majlis tahlil yang diadakan di sebuah masjid di Bandar Seri Iskandar.

f. Doa Ketika Masuk dan Keluar Masjid. (Digantung di dinding masjid)

وَافْتَحْ لِيْ أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَافْتَحْ لِيْ أَبْوَابَ فَضْلِكَ ( بخفظ أبواب )

Kes : Kesilapan meletakkan tanda kasus pada tempat *maf'u:l bih*  
(أبواب)

g. Ceramah Agama.

حَتَّى يُحِبَّ يَحْبُّ disebut dengan *rafa'*

عَمَلَه تُقْبَلَ سَائِرَ disebut سَائِرُ *našab*,

عَمَلَه رُدَّ سَائِرَ disebut رُدَّ *našab*.

Kes : Kesilapan meletakkan tanda kasus pada kata kerja selepas (حتى)

dan kesilapan pada menentukan tanda kasus pada *na:ib fa: 'il* bagi kata kerja yang *mabniyy li al majhu:l*.

Contoh ini dipetik dari sesi ceramah yang disiarkan oleh radio Perak pada pukul 6.30 petang pada 20 Januari 2007.

Contoh-contoh di atas memberi gambaran bahawa penutur bahasa Arab perlu mengetahui gaya bahasa yang diungkapkan secara ilmiah (mengikut kaedah-kaedah bahasa) sebelum menuturnya supaya kesilapan dapat dielakkan dan

akhirnya menjadikan pertuturan tersebut enak didengar. Namun ketiadaan panduan untuk menilai kesilapan akan menyebabkan penuturnya menerima sepenuhnya teks yang dibaca (tanpa menilai) atau terus menerus membawa kesilapan tersebut ke mana sahaja jika tidak diperbetulkan. Kemahiran mengendalikan bahasa ini perlu dibina di atas dasar yang mungkin telah sedia ada pada individu petugas agama. Manakala usaha gigih perlu bagi memenuhi keperluan kewujudan ilmu bahasa Arab dalam diri petugas agama yang bukan dari latar belakang pendidikan agama. Kegagalan petugas agama menghayati keperluan menguasai bahasa Arab dalam menjalankan tugas akan mengundang pelbagai kelemahan dalam menampilkan bahasa tersebut, bahkan akan mengurangkan kepercayaan ummah terhadap kemampuannya berkhidmat untuk kecemerlangan agama.

Peruntukan dalam Kaedah 4,Kaedah-kaedah Pegawai Masjid 1998 menyenaraikan kelayakan Pegawai Masjid yang membolehkan mereka dilantik. Diantaranya ialah:

- i. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi.
- ii. Berkebolehan membaca dan menulis jawi dan rumi serta berkebolehan membaca tulisan bahasa Arab.
- iii. Lulus temuduga yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP).

Peruntukan di atas sudah mencukupi bagi memastikan jawatan imam/khatib yang dilantik betul-betul berkelayakan dengan syarat pengetahuan yang mencukupi dan mengambil kira aspek penguasaan bahasa Arab. Manakala berkebolehan membaca tulisan Arab perlu dinilai pada sudut kemahiran mengaplikasi kaedah nahu dan *saraf*. Sesi temuduga sepatutnya memberi ruang yang mencukupi kepada pihak berwajib untuk menilai kemampuan dan kelayakan seseorang seperti yang dinyatakan tadi. Seksyen 64(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 turut menyebut imam dan bilal hendaklah dilantik oleh MAIAMP dari kalangan mereka yang berkelayakan.

Namun begitu, senario pelantikan jawatan imam/khatib dan bilal khususnya, seperti yang berlaku sekarang ini seolah mengabaikan penilaian pada sudut penguasaan bahasa Arab pemohon atau yang dilantik. Justeru itu, terdapat dalam kalangan para imam/khatib dan bilal yang dilantik bukan dari latar belakang sekolah agama/Arab dan ada dalam kalangan mereka yang tiada asas bahasa Arab (Seminar Pengurusan Masjid, 2005).

Apa yang pengkaji ingin ketengahkan ialah jika sekiranya para imam yang berlatar belakangkan pendidikan agama/Arab pun melakukan kesilapan bahasa dalam tugasannya, apakah lagi imam yang tidak berlatar belakangkan pendidikan agama/Arab? Persoalan ini mengajak semua memikirkan juga peranan yang harus dimainkan oleh para imam pada zaman sekarang ke arah mencapai keberkesanan

dalam usaha dakwah kepada ummah dan melahirkan pengurusan masjid yang cemerlang, seperti yang dihasratkan oleh Timbalan Perdana Menteri (Sekarang Perdana Menteri) semasa merasmikan Konvensyen Nasional Komuniti Hadhari yang bertemakan “Masjid Hadhari Komuniti Bestari” yang diadakan pada 6 hingga 11 Disember 2006 di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Para imam/khatib suatu ketika dahulu memainkan peranan yang besar dan meluas bukan sekadar menjadi imam solat, berkhutbah, mengendalikan tahlil bahkan mereka menjadi rujukan utama penduduk kampung. Mereka juga berperanan sebagai kaunselor, menjadi rujukan bagi mewakili mufti, berkemampuan untuk merujuk kitab-kitab rujukan utama berbahasa Melayu dan Arab serta menghurai permasalahan dengan hebat. Mereka merupakan ahli akademik yang unggul lagi dihormati, mampu mengupas permasalahan hukum-hakam dengan baik, menuturkan peribahasa, kata-kata ulamak dan puisi-puisi Arab dalam ucapan, pengajaran serta nasihat mereka seperti yang sempat dipetik oleh pengkaji dari kata-kata seorang bekas imam yang telah uzur pada waktu hayatnya (Tuan Haji Wahab bin Lebai Idris, meninggal dunia pada Jumaat 23 September 2005). Di antaranya seperti berikut :-

a. Kata Ulamak *أَخِي لَنْ تَنَالُ الْعِلْمَ إِلَّا بِسَتَّةٍ ... اخ :*

b. Kisah Teladan *الصَّدِيقُ الْأَحْمَقُ :* menceritakan seorang guru dengan murid.

عَلِمْ بُنِيَّكَ إِنْ أَرَدْتَ صَالَحَهُ....الخ : c. Puisi Nasihat

Kemampuan imam mencetuskan pelbagai maklumat hasil kemampuan keilmuannya akan menghasilkan kecemerlangan kepimpinan imam yang menjadi tonggak utama dalam menjayakan program pembangunan kariah. Imam yang dimaksudkan tadi telah berjaya membawa perubahan kepada seluruh masyarakat kampung dengan usaha gigih beliau yang mendapat sokongan padu penduduk. Ternyata beliau berjaya mewujudkan jalan untuk kemudahan perhubungan penduduk, membangunkan sekolah rendah dan sekolah agama atas tanahnya sendiri, mewujudkan koperasi kilang beras dan banyak lagi sumbangan lain. Peranan seperti ini perlu dikembalikan ke zaman sekarang supaya institusi masjid dapat dilihat sebagai institusi yang sama bekerja untuk mengembalikan ketamadunan Islam yang bersifat hadhari dan progresif. Justeru itu para petugas agama perlu memantapkan bidang keilmuan mereka terutama berkaitan penguasaan bahasa Arab. Para imam dan petugas agama dari negara China sanggup datang ke Malaysia untuk meningkatkan keilmuan mereka dalam bidang bahasa Arab melalui kursus yang dirancang bersama universiti tempatan sedangkan setiap mereka sudah pun mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Kesedaran dan kesungguhan ini perlu dicontohi oleh para imam dan seluruh petugas agama di negeri Perak.

Pihak berkenaan juga perlu menyediakan program-program berbentuk latihan dan kursus bagi mendekatkan diri mereka dengan bahasa Arab sehingga berupaya menimbulkan kesedaran mereka tentang keperluan menguasai bahasa tersebut. Sehubungan itu, satu pendekatan yang sesuai perlu diperkenalkan untuk membimbang golongan ini supaya dapat menguasai bahasa Arab agar penampilan mereka sebagai petugas agama lebih mendapat kepercayaan dan memudahkan mereka dalam kerja-kerja dakwah.

Pengkaji membuat kesimpulan bahawa kajian ini dijalankan berasaskan kepada permasalahan berikut :

- i. Kelemahan yang timbul dalam kalangan petugas agama khususnya para imam/khatib ketika menggunakan bahasa Arab dalam melaksanakan tugas mereka.
- ii. Kesedaran tentang keperluan menguasai bahasa Arab dalam kalangan petugas agama masih di tahap yang rendah.
- iii. Ketiadaan panduan khusus atau teks sebagai rujukan berkaitan bahasa Arab yang sesuai dengan bidang tugas kumpulan sasaran
- iv. Ketiadaan program pemantapan bahasa Arab yang dianjurkan oleh pihak yang berkaitan langsung dengan kumpulan sasaran.

Secara umumnya, permasalahan di atas hanya boleh dikenal pasti melalui tinjauan terhadap bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan untuk dikesan kesilapan,

khususnya kesilapan nahu dan *saraf*. Lantaran itu, pengkaji memilih khutbah Jumaat sebagai medan tinjauan bagi mengumpul data dan menganalisis kesilapan aspek-aspek tersebut.

Sesungguhnya kejayaan dalam proses memantapkan diri dengan bahasa Arab bergantung kepada dua faktor utama, iaitu kewujudan modul latihan yang sesuai yang diserasi dan dimurnikan dengan kaedah serta pendekatan latihan yang efektif. Sehubungan itu, kajian ini pada akhirnya akan memberi cadangan-cadangan ke arah merealisasikan kejayaan tersebut.

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian mengenai tajuk “**Analisis Kesilapan Sintaksis Dan Morfologi Dalam Khutbah Jumaat**” ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut :

1.3.1 Mengenal pasti bahan-bahan bahasa Arab dalam penyampaian khutbah Jumaat yang melibatkan kesilapan nahu dan *saraf*.

1.3.2 Menganalisis kesilapan penggunaan bahasa Arab di sudut nahu dan *saraf*.

1.3.3 Mengetahui tahap pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab para petugas agama dari aspek nahu dan *saraf*.

1.3.4 Mengemukakan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah kelemahan berbahasa Arab dalam kalangan petugas agama.

#### **1.4 SOALAN KAJIAN**

Berikut soalan-soalan yang dikemukakan bagi tujuan kajian:

1.4.1 Apakah bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan di dalam khutbah Jumaat yang melibatkan kesilapan nahu dan *saraf*?

Persoalan mengenai bahan-bahan bahasa Arab yang dimaksudkan ialah semua jenis ucapan yang disampaikan dalam bahasa Arab. Dalam khutbah Jumaat bahan-bahan bahasa Arab yang biasa diucapkan seperti muqaddimah khutbah, ayat-ayat al-Quran, al-Hadith, ungkapan para sahabat, peribahasa Arab, syair dan puisi, petikan dari sesuatu sumber berbahasa Arab, doa dan penutup khutbah. Bahkan di antara syarat-syarat sah khutbah ialah rukunnya hendaklah di dalam bahasa Arab. (Kertas kerja khutbah dan teknik penyampaian, 2004) Semua ini akan diberi perhatian dalam proses

pemerhatian dan bahan-bahan bahasa Arab yang mengandungi kesilapan nahu dan *saraf* sahaja akan dicatat dalam borang pemerhatian. Bahan-bahan tersebut merupakan data utama kajian yang akhirnya akan dijadikan bahan analisa.

#### 1.4.2 Apakah kesilapan nahu dan *saraf* yang dilakukan?

Persoalan ini melibatkan proses analisa ke atas data-data yang dikumpulkan berkaitan kesilapan nahu dan *saraf*. Proses di peringkat ini dijalankan bagi memastikan jenis kesilapan nahu dan *saraf* yang dilakukan dalam penyampaian khutbah. Kesilapan nahu seperti kesilapan meletakkan tanda kasus pada kedudukan *fa:’il, maf’u:l* dan lain-lain akan dijelaskan. Begitu juga kesilapan berkaitan *saraf* seperti kesilapan pada pembentukan kata kerja *ma:ḍi:, amr* dan lain-lain turut dijelaskan. Susulan itu, pengkaji menjelaskan beberapa maklumat tentang hukum nahu dan *saraf* yang berkaitan dengan data yang dianalisa tersebut. Penjelasan ini dibuat sekadar keperluan sebagai panduan dan maklumat tambahan.

#### 1.4.3 Di tahap manakah pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab para petugas agama pada aspek nahu dan sorof?

Persoalan mengenai tahap penguasaan ini memerlukan penilaian kendiri responden terhadap kemampuannya mengendalikan bahasa Arab terutama ketika menjalankan tugas. Borang soal selidik yang disediakan sekadar menyenarai soalan-soalan berkaitan aspek-aspek utama bahasa Arab dan soalan berkaitan tahap pengetahuan, kemampuan dan penguasaan bahasa tersebut. Namun begitu, responden sahaja yang berhak menentukan di tahap manakah kedudukan mereka dalam perkara tersebut kerana mereka lebih mengetahui kemampuan diri sendiri. Pengkaji berpendapat bagi kajian ini, kaedah ini telah memadai bagi mendapatkan maklumat asas tahap penguasaan bahasa Arab mereka.

#### 1.4.4 Apakah cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut?.

Persoalan ini menghendaki pengkaji mengemukakan cadangan penyelesaian bagi masalah kajian. Masalah kajian ialah merujuk kepada kesilapan bahasa Arab berkaitan nahu dan *saraf* yang telah dilakukan oleh para khatib ketika menyampaikan khutbah. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan mestilah sesuatu yang boleh dan mampu dilaksanakan sama ada oleh individu berkenaan atau pihak yang bertanggungjawab ke atas individu atau kumpulan tersebut. Pengkaji akan mengemukakan cadangan yang difikirkan sesuai dan

munasabah di samping mengetengahkan cadangan yang dikemukakan oleh para responden yang diperolehi melalui soal selidik dan temuramah.

### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian seumpama ini diperlukan untuk membangkitkan kesedaran para imam/khatib serta semua petugas agama tentang keperluan menguasai bahasa Arab dan mengaplikasi bahasa tersebut dengan lebih berhemah serta bertanggungjawab terutama dalam melaksanakan ibadah. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat menjadi permulaan dan titik tolak kepada proses penambahbaikan dalam pembangunan sumber manusia yang bertanggungjawab mengendalikan urusan hal ehwal Islam:-

- i- Mampu menimbulkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan golongan sasaran mengenai kepentingan bahasa Arab dan keperluan menguasai bahasa tersebut dalam menjalankan tugas mereka.
  
- ii- Berupaya menggunakan bahasa Arab dengan baik serta dapat mengembalikan keyakinan para pendengar, jemaah dan masyarakat umum.

- iii- Berhasil dalam membantu pengkaji untuk memberi cadangan yang realistik bagi menyelesaikan masalah tersebut.
  
- iv- Akan terhasil idea ke arah merangka satu modul bahasa Arab yang boleh dijadikan bahan latihan dan rujukan petugas agama dalam proses memantapkan pelaksanaan tugas mereka.

Kajian ini akhirnya bermatlamat mengemukakan cadangan kepada kumpulan sasaran dan untuk perhatian pihak berkenaan seperti Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dalam proses memantapkan bahasa Arab petugas agama bagi menjamin keterampilan dan keyakinan diri ketika menjalankan tugas. Implikasi buruk jika kajian ini tidak dijalankan ialah masyarakat akan berterusan memandang rendah terhadap kredibiliti petugas agama lantaran tiada kesedaran dalam diri mereka untuk mempersiapkan diri dengan membuat penambahbaikan bagi memantapkan penyampaian bahasa Arab.

Pihak berkenaan juga perlu memastikan kewujudan program-program pengajaran dan latihan ke arah merealisasikan hasrat murni ini. Sekaligus kajian ini akan membangkitkan kesedaran semua pihak yang terlibat untuk sama-sama berperanan dengan lebih berkesan.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Untuk mencapai matlamat dan objektif kajian, pengkaji menjalankan penyelidikan berpandukan metod-metod berikut :-

### 1.6.1 Kajian Perpustakaan

Pada peringkat ini, pengkaji cuba mengumpul maklumat dan rujukan daripada buku-buku, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, pengkaji juga membuat pembacaan tesis-tesis berkaitan sebagai rujukan utama. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan ialah berkaitan isu-isu nahu dan *saraf*. Pengkaji menyusun dan membentang maklumat tersebut di bawah tajuk-tajuk khusus yang saling berkaitan antara satu sama lain.

### 1.6.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan ini dilakukan dalam bentuk berikut :

#### i- Pemerhatian

Pengkaji memilih kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data mengenai kesilapan nahu dan *saraf* dalam penyampaian khutbah Jumaat. Pemerhatian ini dilakukan di lokasi kajian (Daerah Perak

Tengah) yang melibatkan tiga buah masjid di Bandar Seri Iskandar.

Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Daerah Perak Tengah, Masjid/Surau Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar (mendapat kebenaran mendirikan Jumaat) dan Masjid Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Pengkaji membuat pemerhatian terhadap penyampaian khutbah Jumaat untuk mengesan dan mengumpul bahan-bahan bahasa Arab yang melibatkan kesilapan nahu dan *saraf*. Data-data yang diperolehi akan dicatat di dalam borang pemerhatian yang disediakan (Dikemukakan di lampiran). Data-data yang diperolehi dari pemerhatian ini merupakan data utama bagi kajian dan ia turut berkait dengan hasil soal selidik yang dijalankan. Dalam situasi ini, pemerhatian dipilih sebagai salah satu kaedah utama mengumpul data bagi mengelak sebarang ketidakpuasan hati atau timbul rasa tidak senang pihak tertentu jika berbicara mengenai isu kajian ini secara bersemuka. Tidak dinafikan bahawa berbicara isu-isu seperti ini amat sensitif dan menyebabkan seseorang itu tidak selesa.

Pengkaji melihat keperluan menjelaskan maklumat-maklumat berikut :-

## PENGENALAN LOKASI DAN PENTADBIRAN DAERAH PERAK TENGAH

Daerah Perak Tengah merupakan salah satu daripada 9 daerah dalam negeri Perak. Kedudukannya berada di bahagian tengah (keselatan) dalam peta negeri Perak. Keluasan daerah ini ialah 1,282 km<sup>2</sup>. (Sila rujuk peta di lampiran).

Kawasan Perak Tengah ini berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam perjumpaan Bil. 936 bertarikh 20 November 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula Pengguna-pengguna Tempatan seluruh Malaysia. Dengan tertubuhnya Majlis Daerah Perak Tengah ini, maka terhapuslah dua pengguna tempatan yang wujud sebelum ini iaitu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Parit (LPKT) dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Luar Bandar (LLB). Dengan kenaikan taraf Menjadi Majlis Daerah Perak Tengah, maka kawasan yang tersebut adalah jauh lebih luas iaitu 9308 hektar. Kawasan adoption seluas 5978 hektar sementara kawasan operasi seluas 3330 hektar seperti berikut :-

[Click Here to upgrade to](#)

[Unlimited Pages and Expanded Features](#)

Kawasan	Keluasan (hektar)
Parit	512
Tanjung Belanja	84
Buluh Akar	32
Bota Kanan	250
Titi Gambong	688
Seri Iskandar	1,430
Kampung Gajah	334
Jumlah	3,330

(Sumber : Laman Web MDPT)

Kenaikan taraf dan pembesaran kawasan ini adalah merupakan satu perkara yang wajar, kerana dengan cara ini sahaja segala bentuk kemudahan bandar atau ciri-ciri perbandaran dapat diperkenalkan dan dinikmati di peringkat luar bandar. Pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah juga telah berpindah dari Pekan Parit ke Pusat Pentadbiran Bandar Baru Seri Iskandar pada 14 September 1993. Pentadbiran ini berharap dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. (Sumber : Laman Web MDPT)

## PEMILIHAN LOKASI

Terdapat dua pentadbiran berkaitan hal ehwal agama dalam daerah Perak Tengah iaitu Pejabat Agama Seri Iskandar dan Pejabat Agama Kampung Gajah. Tumpuan kajian pengkaji ialah pada pentadbiran Pejabat Agama Seri Iskandar. Terdapat 36 buah masjid berada di

bawah pentadbiran pejabat agama tersebut. Pengkaji hanya memilih tiga masjid utama yang terletak di Bandar Seri Iskandar iaitu Masjid Daerah Perak Tengah, Masjid/Surau Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar (mendapat kebenaran mendirikan Jumaat) dan Masjid Universiti Teknologi Petronas (UTP). Ketigatiga masjid ini dikendalikan oleh para imam/khatib yang berkelulusan dalam bidang agama di peringkat diploma dan ke atas.

Sebab-sebab pemilihan ini adalah kerana bandar baru tersebut sedang membangun dan menjadi tumpuan utama para penduduk di Daerah Perak Tengah. Malah di situ ditempatkan pusat pentadbiran daerah dan mempunyai pelbagai kemudahan awam. Bandar Seri Iskandar juga memiliki keluasan yang lebih berbanding kawasan-kawasan operasi lain dalam Daerah Perak Tengah.

Selain itu, pengkaji memilih lokasi Daerah Perak Tengah kerana sebab-sebab dan keistimewaan berikut :-

**a. Sejarah Ketokohan dan Keilmuan.**

Sejarah ketokohan dan keilmuan yang terdapat di lokasi kajian secara jelas dapat disaksikan oleh setiap mereka yang mengunjungi

atau melewati kawasan tersebut. Di antara tokoh ulamak yang mendapat pengiktirafan masyarakat dan pihak berkuasa negeri seperti Tuan Guru Yub Ahmad dan Tuan Guru Hj Mohd Isa. Nama-nama tokoh tersebut jelas terpampang di papan tanda jalan khususnya bagi mereka yang melewati jalan dari Bota Kanan ke Pekan Parit.

Sebagai contoh, pengkaji berminat menampilkan sejarah dan latar belakang salah seorang tokoh ulamak yang telah meninggalkan jasa yang sangat berharga kepada penduduk di Daerah Perak Tengah khususnya dan Malaysia amnya. Tokoh tersebut ialah Dato' Hj Ghazali Abdullah. Beliau dilahirkan di Kampung Padang Tenggala, Bota Kanan, Parit, Perak pada 30 Jun 1915 (Parit iaitu Pekan kecil dalam Daerah Perak Tengah). Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bota Kanan pada tahun 1922 hingga 1927. Oleh kerana tertarik dengan kemasyhuran Sheikh Abdullah Fahim, Mudir Madrasah Daeratul Ma'arif al-Wataniyyah, beliau berhijrah ke Kepala Batas, Pulau Pinang pada 1930 untuk belajar di sana. Setahun kemudian Sheikh Abdullah Fahim dilantik menjadi Mudir di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar. Hj Ghazali turut berhijrah ke Madrasah tersebut. Beliau belajar di Kuala Kangsar selama lima tahun. Kemudian beliau kembali ke Kepala Batas kerana Sheikh

Abdullah Fahim kembali ke Madrasah Daeratul Ma'arif. Selepas setahun di Kepala Batas, beliau bertolak ke bumi Mekah kerana ingin mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Di Mekah, selain menadah kitab di Masjidil Haram, beliau memasuki Madrasah Shaulatiyah al-Hindiyyah iaitu sebuah madsarah yang terkenal di Mekah ketika itu. Beliau belajar di situ selama empat tahun dan lulus Syahadah Nihayah pada 1941. Selepas tamat belajar, beliau mula bekerja dengan syarikat minyak Arab Saudi kerana ketika itu perang dunia telah meletus. Setelah enam tahun bekerja di sana, beliau kembali ke Tanah Melayu dan membuka sebuah sekolah agama iaitu Maahad al-Islamiyyah di Bota Kanan pada 1947. Beliau menjadi mudir di sekolah ini selama dua tahun. Di Bota Kanan ini, beliau telah mendirikan rumah tangga. Beliau menjadi menantu kepada Haji Salleh iaitu seorang guru agama di Madrasah Merah, Parit. Pada 1949 beliau dijemput oleh Tuan Guru Haji Mohd Arshad untuk mengajar di Madrasah al-Ulum al-Syariah, Batu 20, Bagan Datoh. Beliau mengajar di situ sehingga 1953. Selepas Hizbul Muslimin dilumpuhkan oleh British pada akhir 1948, kebanyakan para ulamak di Perak menyertai Bahagian Agama Umno dan beliau lebih terkenal kerana telah mengetuai bahagian tersebut di peringkat negeri Perak. Pada 1950 beliau turut dilantik sebagai Ahli Majlis Agama Islam Perak (MAIP), diikuti dengan pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis

Mesyuarat Negeri Perak. Penglibatan beliau dalam Umno mulai kendur pada 1951 ekoran pelantikan beliau sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS. Pada 1953, beliau dilantik sebagai Kadi Percubaan di Pejabat Agama Perak yang menyebabkan kegiatan politiknya terbantut. Setahun kemudian, beliau ditugaskan sebagai Kadi Kuala Kangsar selama enam tahun. Pada 1957 beliau dilantik sebagai Ahli Rasmi MAIP. Kemudiannya beliau dilantik pula sebagai Kadi Taiping sehingga 1965 dan menjadi Kadi Ipoh selama beberapa bulan. Seterusnya Kerajaan Pusat melantik beliau sebagai Imam Besar Masjid Negara yang pertama pada 17 Ogos 1965 iaitu setelah pembinaan masjid tersebut siap. Tugas beliau di Masjid Negara berakhir pada 31 Mei 1968 ekoran pelantikan beliau sebagai Mufti Selangor bergelar Dato' Seri Utama Diraja, sekaligus menjadi Ahli Dewan Diraja Selangor. Beliau turut menganggotai Majlis Fatwa Kebangsaan setelah dibentuk pada 1969. Ketika menjadi mufti, beliau pernah mewakili Malaysia ke Persidangan Penyelidikan Islam di Kaherah pada 1972. Beliau menjadi pendakwah bebas setelah khidmat sebagai mufti berakhir pada 31 Disember 1973. Pada 1 Mac 1977, beliau dilantik pula sebagai Mufti Perak. Beliau turut menjadi Ahli Dewan Negara Perak. Beliau menjadi Mufti Perak selama empat tahun sehingga kembali ke rahmatullah pada 13 Jun 1981. Sepanjang menjadi Pendakwah,

beliau berjaya menghasilkan tiga buah buku iaitu '*Nubzatul Iktisar*' berkaitan dengan Zakat, '*al-Dala'il al-Munifat Fi Baya:n Adillat al-Masa'il al-Khila:fiiyyat*' berkaitan beberapa masalah khilafiah dalam masyarakat dan '*Intan Terpilih*' sebuah kumpulan doa dan zikir. Kerana jasanya, beliau dianugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang di-Pertuan Agong, diikuti Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dari Sultan Salahuddin, selangor dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) daripada Sultan Idris, Perak. (Sumber : Jejak Pejuang oleh Mohd Fadli Ghani, HARAKAH bil 1484, 30 Okt-1 Nov 2009)

Sejarah tokoh ini ditampilkan supaya ia dapat menimbulkan kesedaran dan menyuntik semangat semua kumpulan petugas agama terutama di Daerah Perak Tengah. Mereka perlu menyedari bahawa di penempatan yang mereka diam di sekarang ini merupakan bumi yang penuh dengan semarak keilmuan suatu ketika dahulu dan ia perlu diwarisi serta dikembalikan ke zaman sekarang. Asas keilmuan tokoh tersebut ialah kerana beliau berupaya mempelajari dan menguasai bahasa Arab dengan baik. Ia dapat dibuktikan dengan kesungguhan beliau menuntut ilmu sehingga berjaya melangkah ke bumi Mekah untuk melanjutkan pelajaran dan membina kemahiran

berbahasa Arab melalui pergaulan dengan masyarakat arab dalam urusan harian dan juga kerjaya.

**b. Bandar Ilmu**

Lokasi Daerah Perak Tengah yang di dalamnya wujud sebuah bandar baru iaitu Bandar Seri Iskandar disebut-sebut sebagai bandar ilmu kerana mengumpulkan banyak institusi pendidikan dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Pusat-pusat pengajian peringkat tinggi yang terdapat di bandar tersebut ialah :

- a. Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- b. Universiti Teknologi Petronas (UTP).
- c. Institut Profesional MARA (IPM).
- d. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).
- e. Institut Latihan Kemas (ILK) dan lain-lain.

Kewujudan pusat-pusat pengajian tinggi ini menggambarkan bahawa penduduk di kawasan ini merupakan golongan intelektual dan profesional.

**c. Kawasan Pelancongan**

Daerah Perak Tengah juga tekenal dengan tempat-tempat pelancongan seperti berikut :-

**Pasir Salak** : Terletak kira-kira 70 km dari Ipoh dan kira-kira 25 km dari Teluk Intan. Terdapat beberapa tempat yang sesuai dilawati, diantaranya ialah Tugu Lela Rentaka, Kubu Dato' Maharaja Lela, Masjid Pasir Salak, Rumah Kutai, Kubur SiPutum, Memorial Pahlawan, Kubur J.W.W. Birch, Terowong Masa dan yang berkaitan dengan sejarah Pasir Salak. Di situ juga terdapat kemudahan penginapan seperti Resort Percutian Pasir Salak yang menawarkan bilik penginapan berhawa dingin, kolam renang, dewan persidangan, bilik seminar dan bengkel, restoran beraneka makanan dan “*riverside gazebo*.”

**Makam-makan raja** terdahulu di sekitar tebing Sungai Perak.

**Penternakan Tuntung** : Pusat ini terletak di Kampung Bota Kanan dalam daerah Perak Tengah, 50 km dari barat daya Ipoh. Ia terletak berhampiran dengan tebing sebelah kanan Sungai Perak, meliputi kawasan berpasir dengan keluasan lebih satu hektar. Pusat ternakan tuntung ini diwujudkan bagi mengatasi masalah kepupusan binatang berkenaan di samping bertindak untuk memulihara ekosistem tuntung. Kompleks berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan dalam usaha memelihara spesies berkenaan seperti kolam pemeliharaan ibu tuntung, pusat penetasan serta bilik pameran. Pusat ini terdiri daripada sebuah bangunan pentadbiran yang mempunyai pejabat,

bilik kuliah, makmal dan ruang legar untuk pameran. Terdapat 4 buah kolam ibu, sebuah kolam anak dan tapak penetasan di sekitar kawasan pusat ini untuk menempatkan tuntung dewasa bertelur, anak-anak tuntung yang baru menetas dan untuk proses pengeraman telur-telur tuntung. Selain berupaya menjadi aset pelancongan popular, kompleks berkenaan penting terutama bagi generasi muda mengenali dan menjalankan kajian mengenai tuntung.

**Industri Labu** : Kg. Gajah terkenal dengan perusahaan labu dan pasu yang diperbuat daripada tanah. Labu dan pasu ini merupakan hasil seni kraftangan yang diperbuat dari tanah liat yang diuli, diterap dengan pelbagai corak, diasapkan serta dibakar untuk menghasilkan satu rupa bentuk yang sungguh berseni dan unik.

Tidak dinafikan bahawa lokasi pilihan pengkaji ini adalah di antara lokasi utama yang menjadi tumpuan masyarakat dalam dan luar negara.

## PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN TEKS KHUTBAH

Biasanya teks khutbah ditulis oleh pegawai-pegawai JAIPk, kemudian dikeluarkan dan diedarkan oleh Bahagian Pengurusan Masjid kepada Pejabat-pejabat Agama Daerah. Sebelum dikeluarkan

dan diedarkan, teks khutbah mesti terlebih dahulu mendapat pengesahan dari Jabatan Mufti. Seterusnya pihak Pejabat Agama Daerah terutama Penyelaras Masjid bertanggungjawab mencetak secukupnya untuk diagih kepada semua imam/khatib di setiap masjid di bawah seliaannya. Proses pengedaran teks khutbah berlaku sama ada melalui pos, dihantar terus ke masjid yang berdekatan atau diambil sendiri oleh pegawai masjid berkenaan di Pejabat Agama.

Pihak JAIPk juga membuka ruang serta memberi peluang kepada mana-mana individu yang berminat menulis teks khutbah. Setelah siap ditulis, teks tersebut mestilah dihantar kepada pihak JAIPk untuk disemak dan disahkan serta dikeluarkan untuk tujuan penyelarasan. Sebagai galakan, pihak JAIPk juga memberi saguhati di atas sumbangan penyediaan teks khutbah tersebut. Biasanya teks khutbah yang dikeluarkan oleh JAIPk selamat daripada sebarang kesilapan terutama yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith. Jika berlaku kesilapan ketika menyampaikan isi kandungan teks khutbah tersebut, ia kemungkinan besar berlaku kerana kelemahan khatib itu sendiri dan bukannya kesilapan pada teks khutbah kerana proses penyediaannya sangat konsisten dengan prosedur yang sedia ada. Peringatan juga kerap kali diberikan kepada imam/khatib bertugas melalui surat lampiran yang dikepilkhan

bersama teks khutbah supaya mengulang-ulang bacaan teks tersebut sehingga lancar dan betul sebutan.

**ii- Soal Selidik.**

Kaedah soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat mengenai tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan petugas agama di negeri Perak. Soal selidik mengenai perkara ini adalah bersifat umum tanpa terikat dengan lokasi tertentu seperti yang dilakukan dalam kaedah pemerhatian. Justeru itu, soal selidik dilakukan ke atas para petugas agama di seluruh daerah di negeri Perak.

Soal selidik ini dijalankan bagi menyokong data yang diperolehi dari pemerhatian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui tahap penguasaan bahasa Arab responden dalam semua aspek utama bahasa tersebut. Namun begitu, pengkaji hanya membentangkan data yang berkaitan isu nahu dan *saraf* sahaja supaya proses analisa tertumpu pada persoalan sebenar kajian. Hasil soal selidik ini akan memperlihatkan kekuatan atau kelemahan kumpulan tersebut dalam mengendalikan bahasa Arab semasa bertugas. Hal ini dapat memberi gambaran sebenar kepada pihak bertanggungjawab terutamanya pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) untuk mengambil

tindakan wajar dalam menyelesaikan masalah dan kelemahan yang berlaku..

Walaupun soal selidik ini melibatkan pelbagai jawatan dalam urusan hal ehwal agama, namun akhirnya mereka juga berperanan sebagai imam/khatib di kawasan dan kariah masing-masing. Sehubungan itu, penggunaan istilah ‘Petugas Agama’ adalah merujuk kepada ‘Imam/Khatib’ dan begitulah sebaliknya.

Soal selidik ini dilakukan secara umum melibatkan petugas agama di semua daerah dalam negeri Perak supaya ia dapat diterima dengan baik tanpa timbul rasa tidak puas hati atau menyebabkan sensitiviti mana-mana pihak atau individu. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini boleh berlaku adil kepada semua pihak. (Soal selidik penuh dikemukakan di lampiran).

Sehubungan itu, untuk mendapat kerjasama responden, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bagi menjalankan soal selidik tersebut. Respon yang baik diterima daripada pihak JAIPk, malah menyokong penuh usaha pengkaji menjalankan soal selidik tersebut.

Borang soal selidik telah dihantar melalui pos ke masjid-masjid yang terpilih bagi mewakili sesuatu daerah iaitu 12 hingga 16 buah masjid bagi setiap daerah. (senarai masjid diperolehi dari laman web JAIPk). Setiap sampul surat yang dihantar berisi bahan-bahan berikut :-

- a. 3 borang soal selidik.
- b. Surat makluman mengenai kajian.
- c. Surat kebenaran menjalankan kajian yang dikeluarkan oleh pihak JAIPk.
- d. Sampul surat yang siap tertera alamat pengkaji berserta setem (untuk dikembalikan)

Selain itu, borang soal selidik juga dihantar ke Pejabat-pejabat Agama Daerah yang menempatkan beberapa jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam seperti pegawai tadbir agama, penyelaras masjid, amil zakat, mubaligh dan lain-lain.

Lebih 400 borang soal selidik telah dihantar dan pengkaji hanya menerima 191 jawapan daripada respondan dan kebanyakannya datang dari responden yang bertugas di masjid, iaitu mereka yang berjawatan imam/khatib dan bilal. Terdapat juga masjid-masjid yang tidak memberi maklum balas walaupun semua kelengkapan seperti

sampul surat dan setem dibekalkan. Maklum balas dari Pejabat Agama Daerah juga sangat mengecewakan. Borang soal selidik yang diterima dikumpul dan dianalisa menggunakan SPSS.

Pengkaji mengharapkan dapatan soal selidik yang diperolehi dari seluruh negeri Perak ini dapat menarik perhatian pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan wajar bagi memastikan kelemahan yang berlaku dapat diatasi dengan pendekatan yang praktikal.

### **iii- Temuramah**

Kaedah temuramah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran serta maklumat sebenar yang berlaku dipersekutuan kajian (Daerah Perak Tengah).

Pengkaji telah memilih mantan penyelaras masjid sebagai responden bagi sesi temuramah. Pilihan tersebut adalah kerana jawatan penyelaras masjid merupakan satu kedudukan yang sangat penting dalam satu daerah atau pentadbiran pejabat agama. Terdapat seorang sahaja penyelaras masjid bagi satu pentadbiran pejabat agama. Sehubungan itu, responden yang dipilih oleh pengkaji sangat sesuai dan tepat bagi menjawab soalan yang dikemukakan. Dalam masa

yang sama beliau juga merupakan seorang imam, maka pengkaji turut menemuramah beliau atas kapasiti jawatan sebagai imam. Ini bertujuan untuk mendengar pandangan beliau sebagai mantan penyelaras masjid dan sebagai seorang imam.

Pengkaji bersemuka dengan responden untuk mendapatkan maklumat lanjut yang lebih terperinci. Setiap perbualan direkodkan dalam nota. (Data hanya dapat direkod dalam bentuk nota sahaja kerana responden tidak selesa dengan rakaman pita suara). Pengkaji terlebih dahulu membuat temujanji dengan responden dan bagi memulakan sesi temuramah, pengkaji menerangkan maksud dan tujuan temuramah dijalankan sehingga responden faham dan bersedia memberi kerjasama. Soalan dikemukakan satu persatu dan diselangi dengan jawapan responden. Oleh kerana pita suara tidak dapat digunakan kerana sebab yang dinyatakan di atas, maka pengkaji mengambil langkah membaca dan mengulangi semula jawapan responden yang telah dicatat sehingga responden bersetuju dengan jawapan tersebut. Setelah dipersetujui, responden akan menurunkan tandatangan pada ruang yang disediakan beserta maklumat masa dan tarikh diadakan temuramah tersebut. (Soalan temuramah dikemukakan di lampiran)

Hasil data temuramah akan dikemukakan secara bersama dalam pembentangan analisa soal selidik dan turut dikemukakan dalam bab akhir kajian.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian dinyatakan seperti berikut :-

- 1.7.1 Mengumpul bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan melalui khutbah. Bahan-bahan yang dikumpul tersebut terbatas kepada bahan yang mengandungi kesilapan bahasa Arab dan kesilapan tersebut hanya melibatkan isu nahu dan *saraf* sahaja. Proses menganalisa kesilapan juga masih tertumpu kepada isu yang sama.
- 1.7.2 Pemerhatian ditumpukan di lokasi Daerah Perak Tengah yang melibatkan tiga buah masjid utama di bawah pentadbiran Pejabat Agama Seri Iskandar iaitu Masjid Daerah Perak Tengah, Masjid/Surau Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar (mendapat kebenaran mendirikan Jumaat) dan Masjid Universiti Teknologi Petronas (UTP).
- 1.7.3 Soal selidik secara umumnya diperolehi daripada responden dari seluruh daerah dalam negeri Perak. Kebanyakan responden

melibatkan petugas agama yang bertugas di masjid seperti imam/khatib dan bilal. Soal selidik yang dikemukakan melibatkan semua aspek utama bahasa Arab. Walau bagaimana pun, skop analisa kajian hanya pada aspek nahu dan *saraf* sahaja.

1.7.4 Manakala temuramah pula hanya dilakukan kepada pegawai yang bertanggungjawab menyelaras masjid-masjid di bawah Pentadbiran Pejabat Agama Seri Iskandar. Oleh kerana pegawai penyelaras masjid yang berkhidmat sekarang adalah pegawai baru, maka pengkaji memilih mantan penyelaras masjid sebagai responden utama bagi sesi temuramah ini. Kebetulan dalam masa yang sama beliau merupakan imam bagi salah sebuah masjid dalam daerah Perak Tengah, maka temuramah juga dilakukan kepada beliau atas kapasiti sebagai imam.

Sehubungan itu, kajian ini tidak melibatkan perkara-perkara berikut :

- i. Penyampaian bahasa Arab yang disampaikan selain khutbah Jumaat.
- ii. Penyampaian bahasa Arab yang disampaikan di masjid-masjid selain daripada masjid-masjid yang disebut di atas. Oleh itu, bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan di masjid-masjid tersebut tidak diambil kira dalam kajian.

[Click Here to upgrade to](#)

[Unlimited Pages and Expanded Features](#)

- iii. Bahan-bahan bahasa Arab yang tidak mempunyai kesilapan nahu dan *saraf*. Oleh itu, semua bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan berbetulan dengan kaedah nahu dan *saraf* tidak dikumpulkan untuk dianalisa.
- iv. Bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan yang melibatkan kesilapan selain nahu dan *saraf*. Oleh itu, proses menganalisa kesilapan tidak melibatkan isu *aşwa:t* dan *dila:lat*.
- v. Soal selidik kepada petugas agama yang berkhidmat di luar negeri Perak.
- vi. Menganalisa tahap penguasaan bahasa Arab yang berkaitan aspek fonologi dan semantik.

## 1.8 RANGKA KAJIAN

### 1.8.1 BAB 1

Membentangkan pengenalan kajian yang menjelaskan perkembangan dan keperluan semasa mempelajari serta menguasai bahasa Arab. Mengemukakan permasalahan-permasalahan kajian yang wujud sebagai penyebab utama pemilihan tajuk kajian. Bab ini juga membahaskan kepentingan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, skop kajian dan rangka kajian.

### 1.8.2 BAB 2

Mengutarakan isu-isu nahu dan *saraf*, kepentingan mendalami ilmu tersebut, perkaitan di antara kedua-dua ilmu tersebut, hubung kait ilmu tersebut dengan al Quran dan hukum Feqah serta menyentuh tentang kepentingan kajian analisis kesilapan.

### 1.8.3 BAB 3

Mengemukakan data-data yang diperolehi daripada pemerhatian, soal selidik dan temuramah. Menganalisa secara lanjut ke atas kesilapan penyampaian bahasa Arab yang diperolehi daripada pemerhatian serta

mengemukakan kaedah nahu dan *saraf* yang berkaitan data kesilapan tersebut. Menganalisa soal selidik berkaitan penguasaan bidang nahu dan *saraf*. Menganalisa secara ringkas data yang diperolehi melalui temuramah. Membuat kesimpulan bagi setiap data yang dianalisa dan seterusnya membuat kesimpulan secara keseluruhan.

#### **1.8.4 BAB 4**

Memberi cadangan serta pandangan ke arah meningkatkan pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para petugas agama. Mengemukakan cadangan penyelesaian drastik, cadangan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Di akhirnya pengkaji mencadangkan tajuk kajian seterusnya dan membuat rumusan kajian.

### **1.9 PENUTUP**

Setelah membentangkan secara jelas tentang permasalahan kajian dan objektif kajian di samping mengetengahkan kepentingan kajian dilakukan, pengkaji mengharapkan agar keputusan kajian nanti akan dapat memberi gambaran penting bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji juga mengharapkan agar objektif kajian tercapai serta menghasilkan impak yang positif terutama dalam meletakkan garis panduan bagi menjayakan proses penguasaan bahasa ini dalam kalangan kumpulan sasaran serta dapat dimanfaatkan secara lebih meluas.